




KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
MERLIMAU

BULETIN PSR & TOC

Edisi 2024



Edisi Pertama © 2024

Semua hak terpelihara.

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem perolehan semula, atau dihantar dalam mana-mana bentuk atau dengan sebarang cara, grafik, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa kebenaran penerbit terlebih dahulu

Diterbitkan oleh:
Politeknik Merlimau
Kementerian Pendidikan Tinggi
77300 Merlimau
Melaka

eISSN 3083-8592



9 773083 859001

BULETIN INI DITERBITKAN SECARA TAHUNAN



SIDANG REDAKSI

KETUA PROJEK

Ts. Ariffuddin bin Ibrahim

PENOLONG KETUA PROJEK

Siti Nurul Hidayah binti Ezan

KETUA PENULIS

Norhasikin binti Pathrogi

PENULIS

Ishak bin Mohamed Basir
Anafiah bin Hamzah
Sr. Firhan binti Salian
Nurul Esly binti Sabiran
Mohd Haikal Akashah bin Mohd Nor
Mohd Zahir bin Zainol
Siti Farizah binti Yaakub
Nurfazilah binti Kamarudin
Bobby Chew Han Yong
Mohd Izuddin bin Yusop

KETUA PEMBACA PRUF

Nurul Esly binti Sabiran

PEMBACA PRUF

Nurfazilah binti Kamarudin
Mohd Izuddin bin Yusop

PEREKA GRAFIK

Siti Farizah binti Yaakub

ISI KANDUNGAN

Sidang Redaksi **1**

Isi Kandungan **2**

Dari Meja Pengarah **3**

Sekapur Sirih **4**

Timbalan Pengarah (Akademik)

Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)

Ketua Kluster TVET PMM

Pengerusi PSR & TOC PMM

**Polythecnic Social
Responsibility (PSR)** **8**

TVET On Campus (TOC) **27**



DARI MEJA PENGARAH

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Sebagai Pengarah Politeknik Merlimau, saya berasa amat bangga dan berbesar hati untuk memperkenalkan Buletin Polytechnic Social Responsibility (PSR) dan TVET on Campus (TOC) 2024. Buletin ini bukan sahaja menjadi platform untuk menetengahkan pelbagai inisiatif dan kejayaan yang telah dicapai oleh politeknik kita, tetapi juga melambangkan komitmen padu terhadap tanggungjawab sosial dan pembangunan kemahiran Teknikal dan Vokasional (TVET).



Tahun 2024 bakal menyaksikan lebih banyak usaha berterusan dalam memperkasakan komuniti melalui PSR serta menyemarakkan semangat inovasi di kalangan pelajar melalui program TVET yang semakin relevan dalam landskap pekerjaan global. Saya percaya bahawa buletin ini akan memberi inspirasi kepada kita semua untuk terus maju ke hadapan, berkongsi pengalaman dan memperluaskan impak positif yang dapat kita bawa kepada masyarakat.

Usaha kolektif ini mencerminkan matlamat kita dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja mahir dalam bidang teknikal tetapi juga prihatin terhadap komuniti dan alam sekeliling. Saya berharap buletin ini akan menjadi pemangkin kepada lebih banyak kolaborasi dan idea-idea baru yang dapat kita manfaatkan bersama.

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan penerbitan ini. Semoga Buletin PSR dan TOC 2024 terus memberi manfaat, inspirasi dan menjadi simbol kejayaan bersama.

Sekian, terima kasih.

Lt Kol Norizam bin Sekak A.M.N., P.K

SEKAPUR SIRIH



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Sebagai Timbalan Pengarah (Akademik) Politeknik Merlimau, saya amat berbesar hati untuk memberikan kata-kata aluan bagi Buletin Polytechnic Social Responsibility (PSR) dan TVET on Campus (TOC) 2024. Penerbitan ini merupakan manifestasi komitmen kita dalam mendukung tanggungjawab sosial serta memajukan pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang berkualiti dan relevan.

Buletin ini adalah bukti kesungguhan kita dalam memastikan bahawa setiap program yang dilaksanakan di politeknik bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar, tetapi juga memberi impak positif kepada komuniti. Dengan pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan dan perancangan di masa hadapan, saya yakin bahawa kita sedang berada di landasan yang tepat untuk menghasilkan graduan yang berdaya saing serta memiliki kepekaan sosial yang tinggi.

Tahun 2024 menjanjikan lebih banyak peluang untuk meneroka inisiatif baharu dalam PSR dan memperkukuh kedudukan TVET sebagai elemen penting dalam menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Saya berharap agar buletin ini bukan sahaja menjadi sumber maklumat, tetapi juga mencetuskan inspirasi kepada lebih ramai warga politeknik untuk turut serta dalam usaha murni ini.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Buletin PSR dan TOC 2024. Semoga segala usaha kita diberkati dan terus memberi manfaat kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih.

Faridatuljana binti Mohd Noor

SEKAPUR SIRIH



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Sebagai Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) Politeknik Merlimau, saya dengan penuh rasa syukur dan bangga menyambut penerbitan Buletin Polytechnic Social Responsibility (PSR) dan TVET on Campus (TOC) 2024. Penerbitan ini adalah cerminan daripada usaha gigih dan kerjasama erat antara pelbagai pihak dalam mempromosikan tanggungjawab sosial dan memperkasakan pendidikan TVET di institusi kita.

Inisiatif PSR dan TOC memainkan peranan penting dalam membentuk pelajar yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga memiliki kesedaran sosial yang tinggi. Usaha ini selaras dengan visi politeknik untuk melahirkan graduan yang serba boleh, beretika dan mampu menyumbang kepada pembangunan komuniti serta negara.

Tahun 2024 menjanjikan pelbagai peluang dan cabaran baru serta saya yakin melalui program-program yang akan diketengahkan dalam buletin ini, kita dapat terus memperkasakan TVET sebagai tunjang kepada pembangunan modal insan yang berdaya saing dan inovatif. Buletin ini bukan sahaja wadah perkongsian pencapaian, tetapi juga sebagai inspirasi kepada seluruh warga politeknik untuk terus bersama dalam mengangkat martabat pendidikan teknikal dan vokasional.

Terima kasih kepada semua yang telah menyumbang kepada kejayaan penerbitan Buletin PSR dan TOC 2024. Semoga ia terus menjadi sumber inspirasi dan panduan untuk kita semua.

Sekian, terima kasih.

Ts. Zan Aizuwan bin Zainal Abidin



SEKAPUR SIRIH



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Sebagai Ketua Kluster TVET PMM, saya berasa amat berbangga untuk menyambut kehadiran Buletin Polytechnic Social Responsibility (PSR) dan TVET on Campus (TOC) 2024. Inisiatif ini mencerminkan semangat kerjasama yang kukuh antara pihak institusi, pelajar dan komuniti dalam mencapai matlamat yang lebih besar, iaitu pembangunan tanggungjawab sosial dan memperkasakan pendidikan TVET yang berkualiti.

Buletin ini adalah platform penting untuk kita menyalurkan pelbagai pencapaian, idea inovatif dan usaha-usaha murni yang telah dilaksanakan sepanjang tahun. Ia juga menjadi lambang kesungguhan kita dalam menjadikan PSR dan TOC sebagai komponen utama yang mendorong perubahan positif dalam masyarakat, selari dengan keperluan dunia moden yang dinamik dan penuh cabaran.

Melangkah ke tahun 2024, saya yakin bahawa kita akan terus berjaya memperkasa golongan muda dengan kemahiran-kemahiran kritikal, sambil memperkukuh nilai-nilai murni seperti keprihatinan sosial, integriti dan kecemerlangan. Saya juga berharap buletin ini akan menjadi sumber inspirasi dan panduan untuk lebih ramai lagi mengambil bahagian dalam projek-projek TVET dan PSR di masa akan datang.

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah menjayakan usaha penerbitan ini. Bersama-sama, kita mampu mencipta impak yang berkesan dan meninggalkan warisan yang membanggakan.

Sekian, terima kasih.

Azlan Shah bin Kamarudin

SEKAPUR SIRIH



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Sebagai Pengerusi Polytechnic Social Responsibility (PSR) dan TVET on Campus (TOC), saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penerbitan Buletin Polytechnic Social Responsibility (PSR) dan TVET on Campus (TOC) 2024. Buletin ini adalah satu inisiatif penting yang mencerminkan usaha kolektif kita dalam memperkasakan komuniti dan mempromosikan pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) di kalangan pelajar serta masyarakat umum.

PSR dan TOC bukan sekadar platform untuk berkongsi pencapaian, tetapi juga menjadi wadah untuk mengukuhkan hubungan antara institusi dan masyarakat. Dalam dunia yang semakin mencabar, kerjasama dan tanggungjawab sosial adalah kunci kepada pembangunan mampan dan inisiatif ini menunjukkan komitmen kita ke arah mencapai matlamat tersebut.

Saya percaya bahawa buletin ini akan memberi inspirasi kepada lebih ramai pihak untuk terlibat dalam program-program yang memberi manfaat kepada masyarakat dan memupuk generasi yang lebih berdaya saing, inovatif dan bertanggungjawab. Marilah kita terus bergerak ke hadapan dengan semangat kerjasama, integriti dan kecemerlangan, memastikan setiap usaha kita membawa impak yang positif dan berkekalan.

Sekali lagi, terima kasih kepada semua yang telah menjayakan penerbitan ini. Semoga Buletin PSR dan TOC 2024 menjadi simbol kejayaan bersama dan terus memberi inspirasi untuk tahun-tahun yang mendatang.

Sekian, terima kasih.

Ts. Ariffuddin bin Ibrahim

POLYTECHNIC SOCIAL RESPONSIBILITY (PSR)



POLYTECHNIC SOCIAL RESPONSIBILITY
POLITEKNIK MERLIMAU

SENARAI AKTIVITI PSR PMM



- 1 Projek Semakan Arah Kiblat
- 2 Program Khidmat Masyarakat (PSR) PMM di Masjid Jamek Ar Rahim
- 3 Khidmat Pelajar PMM Sebagai Imam Solat Terawih
- 4 Program Semarak Kasih Bersama Komuniti Merlimau Utara
- 5 Empowering Homestay 2.0 Relax. Eat. Sleep. Travel
- 6 Empowering Homestay 2.0 Penyelenggaraan Penyaman Udara
- 7 Gotong Royong MBMB, JPCK Tengkeru & PMM
- 8 Mural Pelajar Seni Bina PMM Penyeri Stadium Jasin
- 9 Program Bubur Lambuk Bersama Komuniti Merlimau
- 10 Projek Pemeriksaan Keselamatan Pendawaian Elektrik Rumah Asnaf MAIM
- 11 Empowering Homestay 2.0 QR Code Solat Jamak dan Solat Qasar
- 12 Bengkel Pengurusan Masjid Ubudiah



Jabatan/Unit Bertanggungjawab: PSR, JKA
Tarikh: 02 - 03 Mac 2024
Tempat: Masjid, Surau & Tanah Perkuburan
Terpilih Daerah Jasin

Jabatan Mufti Negeri Melaka melalui Bahagian Falak Syarie telah menjalankan kerjasama strategik dengan Politeknik Merlimau dalam menjalankan kajian semakan arah kiblat masjid, surau dan tanah perkuburan terpilih di daerah Jasin, Melaka. Politeknik Merlimau melaksanakan kajian semakan arah kiblat menggunakan peralatan Totalstation.





Jabatan/Unit Bertanggungjawab: PSR, KAMSIS
Tarikh: 09 Mac 2024
Tempat: Masjid Jamek Ar Rahim, Merlimau

Seramai 20 orang pelajar kamsis PMM telah menyertai program Khidmat Masyarakat Gotong-Royong Perdana Ambang Ramadan di Masjid Jamek Ar Rahim, Merlimau Pantai. Program ini bertujuan menyumbangkan tenaga sukarela untuk membersihkan dan khidmat nasihat pengurusan masjid sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) Politeknik Merlimau. Aktiviti utama termasuk gotong-royong membersihkan masjid serta memupuk amalan persekitaran 5S dengan penglibatan antara jawatankuasa masjid dan komuniti setempat. Program ini telah berjaya meningkatkan kesedaran sosial di kalangan pelajar dan mengukuhkan hubungan ukhwah bersama komuniti setempat.





Jabatan/Unit Bertanggungjawab: PSR, JKE
Tarikh: 11 Mac – 09 April 2024
Tempat: Madrasah An Nur Taman Muhibbah

Pelajar Politeknik Merlimau Melaka (PMM), Aniq Nazhan bin Aris dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah diberi tanggungjawab sebagai imam solat tarawih di Madrasah An Nur sepanjang bulan Ramadan 2024. Program ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar untuk berkhidmat kepada komuniti serta mempraktikkan kemahiran mereka dalam memimpin solat berjemaah, khususnya solat tarawih yang merupakan amalan yang dituntut sepanjang bulan Ramadan. Sumbangan pelajar terhadap komuniti ini membantu meningkatkan kemahiran kepimpinan dan keyakinan diri dalam kalangan pelajar dan masyarakat.





POLYTECHNIC SOCIAL RESPONSIBILITY
POLITEKNIK MERLIMAU

Pegawai Bertanggungjawab: PSR, JHEPP
Tarikh: 23 Mac 2024
Tempat: Merlimau Utara

Politeknik Merlimau terus memperkukuhkan hubungan kerjasama dengan menyediakan ruang untuk sesi komunikasi dua hala antara komuniti, agensi dan PMM. Inisiatif ini bermula dengan penubuhan Jawatankuasa Hubungan Komuniti (JKHK) dan usaha untuk menubuhkan Jawatankuasa Pelajar Luar Kampus melalui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) PMM. Pada 21 Mac 2024, En. Ahmad Syukri Mohamed Yunus (Ketua Jabatan Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar) telah mewakili PMM dalam Mesyuarat Kawasan Rukun Tetangga Taman Muhibbah bersama Yang Dipertua MPP dan Exco Kediaman & Komuniti Pelajar Luar Kampus.



Pada 21 Mac 2024, En. Ahmad Syukri Mohamed Yunus (Ketua Jabatan Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar) telah mewakili PMM dalam Mesyuarat Kawasan Rukun Tetangga Taman Muhibbah bersama Yang Dipertua MPP dan Exco Kediaman & Komuniti Pelajar Luar Kampus.

Program Semarak Kasih Bersama Komuniti Merlimau Utara

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan organisasi pelajar PMM memberikan sokongan kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Merlimau Utara dalam Program Semarak Kasih Bersama Komuniti yang diadakan pada 23 Mac 2024. Program yang ini dimulakan dengan penyusunan barang dan pengagihan ke lima taman yang terlibat dan dirasmikan oleh ADUN Merlimau, YB Dr. Muhamad Akmal Saleh.





Jabatan/Unit Bertanggungjawab: PSR JPA
Tarikh: 11 - 12 Mei 2024 & 01 Jun 2024
Tempat: Balai Raya Baruh Alai, Kampung Alai Melaka

Keunikan PMM terserlah dengan kombinasi tenaganya termasuklah pengajar dan pelajarnya dalam menggiatkan usaha, idea dan tenaga bersama komuniti dan industri bagi menjayakan pelbagai program yang dirancang demi merencanakan pembangunan komuniti setempat, negara mahupun antarabangsa.



Program Empowering Homestay 2.0@Kampung Alai merupakan penganjuran kali kedua setelah kejayaan penganjuran yang pertama pada tahun 2022 di Homestay Kampung Morten sebagai destinasi pilihan.

Tahun ini, Politeknik Merlimau sekali lagi mengambil inisiatif berkongsi kepakaran TVET bersama pemain industri pelancongan dan hospitaliti bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan inap desa (homestay) dan kampung stay di Negeri Melaka, khususnya di kawasan Alai.

Kehadiran Politeknik Merlimau bersempena majlis ini adalah selari dengan tema program iniiaitu “Empowering Homestay” menerusi kepakaran dan ilmu TVET yang ada pada setiap warganya ianya dapat diterjemahkan melalui pemeraksanaan aktiviti yang dijalankan.

Empowering Homestay 2.0 Relax- Penyelenggaraan Penyaman Udara



POLYTECHNIC SOCIAL RESPONSIBILITY
POLITEKNIK MERLIMAU

Jabatan/Unit Bertanggungjawab: PSR JKE

Tarikh: 11 - 12 Mei 2024 & 1 Jun 2024

Tempat: Balai Raya Baruh Alai, Kampung Alai Melaka

PSR PMM meneruskan lagi aktiviti CSR sebagai kumpulan pertama mendahului program Empowering Homestay 2.0 yang bertempat di Kampung Baruh Alai, Melaka. Aktiviti yang dijalankan ialah penyelenggaraan penyaman udara di Balai Raya Alai Baruh, Balai Raya Alai dan 10 buah bilik inap desa di kawasan tersebut. Sebanyak 21 buah unit penyaman udara telah diselenggara dalam program ini. Program ini merupakan aktiviti fasa pertama sempena program Empowering Homestay 2.0.





Jabatan/Unit Bertanggungjawab: PSR , JMSK
Tarikh: 18 Mei 2024
Tempat: Kampung Tengker Pantai 1

Seramai 35 pelajar Asasi TVET bersama-sama 3 pensyarah dari Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Politeknik Merlimau, Melaka telah terlibat dalam program gotong-royong ahli majlis MBMB bersama JPKK Tengker di Tengker Pantai 1.



Gotong-royong ini melibatkan pembersihan di kawasan masjid, surau, tadika dan balai raya di Kampung Tengker Pantai 1. Pelajar turut di bantu oleh ahli majlis MBMB dan penduduk kampung tersebut.

Para pelajar dan pensyarah disambut dengan meriah oleh penduduk kampung dan ucapan penghargaan telah disampaikan oleh Pengerusi JPKK kepada pasukan JMSK PMM pada hari tersebut.





POLYTECHNIC SOCIAL RESPONSIBILITY
POLITEKNIK MERLIMAU

Jabatan/Unit Bertanggungjawab: PSR, JKA
Tarikh: 18 Mei 2024
Tempat: Stadium Mini Jasin

Seramai 22 orang pelajar bersama-sama 3 orang pensyarah Diploma Seni Bina, Jabatan Kejuruteaan Awam, Politeknik Merlimau telah menyumbangkan bakat dan tenaga dalam program “conteng-conteng” sempena sambutan Hari Belia Negara peringkat Negeri Melaka yang berlangsung di Stadium Mini Jasin.

Penghasilan tiga buah mural ini telah disempurnakan selama 8 hari bermula pada 10 Mei 2024. Program ini telah disempurnakan dan dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka sempena majlis perasmian Hari Belia Negara 2024 peringkat Negeri Melaka pada 18 Mei 2024. yang lalu.



Mural Pelajar Seni Bina PMM Penyeri Stadium Mini Jasin

Hadir sama Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Wira Ibrahim Durum; Pegawai Kewangan Negeri yang menjalankan tugas Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Salhah Saleh; Exco Belia, Sukan dan NGO negeri, V.P. Shanmugam; Timbalan Exco Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan TVET negeri, Datuk Khaidhirah Abu Zahar dan barisan Exco serta Timbalan Exco Kerajaan Negeri.





POLYTECHNIC SOCIAL RESPONSIBILITY
POLITEKNIK MERLIMAU

Jabatan/Unit Bertanggungjawab: PSR, JPH & RELASIS
Tarikh: 18 Mei 2024
Tempat: Taman Muhibbah & Kampung Kilang Berapi, Merlimau

Pasukan Polytechnic Social Responsibility (PSR) Politeknik Merlimau telah bekerjasama dengan Komuniti Malaysia Madani (KMM) Taman Muhibbah serta KRT Taman Muhibbah dan KRT Kg Kilang Berapi Utara untuk melaksanakan Program Bubur Lambuk Ramadhan 1445H. Acara ini turut dimeriahkan dengan penyertaan Jabatan Penerangan Daerah Jasin.



Sebanyak empat periuk bubur lambuk disediakan, iaitu tiga periuk dari Madrasah An-Nur dan satu dari Madrasah Al-Amin, Kg Kilang Berapi Utara. Program bubur lambuk ini dipimpin oleh En. Mohd Zahir Zainol dengan bantuan 43 orang anggota RELASIS. Para peserta telah menyempurnakan tugas dengan mengedarkan 750 pek bubur lambuk kepada penduduk setempat dari jam 8.00 pagi hingga 3.00 petang.

Program Bubur Lambuk Bersama Komuniti Merlimau

Kemuncak program adalah edaran bubur lambuk oleh Pengerusi KRT Taman Muhibbah, Ts. Arifuddin bin Ibrahim, bersama Ts. Zan Aizuwan bin Zainal Abidin (Timbalan Pengarah Sokongan Akademik PMM) dan pegawai dari Jabatan Penerangan. Program ini bukan sahaja menyemarakkan semangat Ramadan tetapi juga mengukuhkan hubungan antara institusi dan masyarakat.



Projek Pemeriksaan Keselamatan Pendawaian Elektrik Rumah Asnaf MAIM



POLYTECHNIC SOCIAL RESPONSIBILITY
POLITEKNIK MERLIMAU

Jabatan/Unit Bertanggungjawab: PSR, JKE
Tarikh: Mei 2024
Tempat: 30 Unit Rumah Asnaf Sekitar Merlimau

Politeknik Merlimau (PMM) terus melangkah ke hadapan dalam melaksanakan tanggungjawab sosialnya melalui Projek Pemeriksaan Keselamatan Pendawaian Elektrik Rumah Asnaf MAIM, sebagai sebahagian daripada inisiatif Politeknik Social Responsibility (PSR). Program ini berlangsung dengan kerjasama erat antara PMM, Sahabat Sukarelawan Al-Taqwa, dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), di mana 30 rumah asnaf berdaftar telah diberi pemeriksaan keselamatan pendawaian elektrik secara menyeluruh.



Projek Pemeriksaan Keselamatan Pendawaian Elektrik Rumah Asnaf MAIM

Program ini diketuai oleh En. Sahrudin Saad dengan bantuan tenaga daripada pasukan PSR, PMM yang terdiri daripada 30 orang pelajar dan 8 orang pensyarah. Menurut Puan Haszlinda binti Zainal Abidin, Ketua Unit Badan Sukarelawan Al-Taqwa MAIM, program ini bukan sahaja memperkukuh usaha mendekati golongan asnaf, tetapi juga memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan ilmu yang dipelajari sambil merasai pengalaman bermasyarakat secara langsung





Jabatan/Unit Bertanggungjawab: PSR, JPA
Tarikh: 01 Jun 2024
Tempat: Balai Raya Baruh Alai, Kampung Alai
Melaka

QR Code Solat Jamak & Qasar merupakan perkongsian ilmu yang dihasilkan oleh tenaga pensyarah Jabatan Pengajian Am (JPA) Politeknik Merlimau. Pada peringkat awal ia merupakan satu perkongsian tentang Solat Jamak & Qasar berkaitan maklumat yang ingin disebar luaskan kepada pelancong yang berkunjung dan melawat negeri Melaka terutamanya yang menyewa Homestay di Alai Melaka. Antara kandungan QR Code ini adalah Slide Canva Presentation dan Video Youtube berkaitan Solat Jamak & Qasar. QR Code ini diletakkan di semua Homestay di Alai yang berdaftar di bawah MOTAC dan juga Masjid dan surau di sekitar ADUN Alai.





POLYTECHNIC SOCIAL RESPONSIBILITY
POLITEKNIK MERLIMAU

Jabatan/Unit Bertanggungjawab: PSR, JP
Tarikh: 07 September 2024
Tempat: Masjid Ubudiah, Ayer Keroh Melaka

Program PSR TVET PMM Bersama Komuniti di Masjid Ubudiah Ayer Keroh mencapai kejayaan besar dengan majlis penutupan dirasmikan oleh Datuk Hj Badarudin bin Mohd Kassim, Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Majlis ini juga dihadiri oleh Ts. Zan Aizuwan bin Zainal Abidin, Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) PMM, serta Pengerusi Masjid Ubudiah Tuan Hj. Ismail bin Hj. Othman serta ahli jawatankuasa dan kariah masjid. Program yang dianjurkan oleh Jabatan Perdagangan ini melibatkan penyertaan 67 pensyarah dan 50 pelajar dari Jabatan Perdagangan, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.



Majlis penutup telah dilaksanakan dengan gimik penyerahan hasil kerja oleh wakil pasukan kepada Pengerusi Masjid Ubudiah. Kepakaran pensyarah dan kemahiran pelajar telah disumbangkan dalam pengurusan akaun dan aset, data kariah, media sosial, 5S, dan penyelenggaraan penghawa dingin. Program ini telah dirancang sejak bulan Julai 2024 dan menerima pujian daripada Jawatankuasa Masjid Ubudiah dengan perspektif positif iaitu sumbangan PMM sangat bermakna bagi pengurusan masjid dan masyarakat setempat.



TVET ON CAMPUS (TOC)



TVET ON CAMPUS
POLITEKNIK MERLIMAU

SENARAI AKTIVITI TOC PMM



- 1 Pembangunan Semula Rumah Projek JKE Fasa 2
- 2 Menaiktaraf Landskap Pintu Masuk Utama PMM
- 3 Penyediaan Rekod Kewangan Pusat Islam PMM
- 4 JKE - Robotic Challenge
- 5 Pelepaan Lantai Simen Wakaf JKE
- 6 Kursus IR4.0 For All & Melaka Fun IoT Championship: Robot Soccer 2024
- 7 Pembinaan Rumah Cendawan 2.0
- 8 Rainwater Harvesting Untuk Rumah Cendawan Polyagro
- 9 Pembangunan Model Rumah Cepak Tenaga (MRCT) Pemulihan Pendawaian Elektrik
- 10 Program Kelestarian Alam Sekitar Pelajar Asasi JMSK
- 11 Membaik Pulih Meja Banquet JPH
- 12 Membaikpulihan Pagar Utama PMM
- 13 Membaiki Pagar PMM
- 14 Membuat Step Makmal Komputer JMSK
- 15 Kursus Pengekodan Pengawal Mikro Berasaskan Arduino IDE Siri 1/2024 & 2/2024
- 16 Projek Menaiktaraf Laman Ilmu PMM
- 17 Anjung Ilmu JKA
- 18 Doodle Mandala Pelajar Seni Bina: Cenderahati Tetamu **VVIP**

Program TVET ON CAMPUS Pembangunan Semula Rumah Projek JKE PMM Fasa 2 yang merupakan kesinambungan program TOC Pembangunan Semula Rumah Projek JKE PMM Fasa 1 yang telah diadakan pada 27 Julai 2023. Unit Projek JKE PMM berhasrat untuk menjadikan Rumah Projek JKE ini sebagai Bilik Unit Projek Pelajar JKE yang menempatkan barang-barang milik Unit Projek JKE dan projek-projek pelajar untuk dipamerkan serta kegunaan pameran luar. Selain itu, beberapa peralatan teknikal bagi polyskills electronic juga ditempatkan bagi kegunaan warga PMM selain menjadi tempat latihan pelajar



Projek landskap di pintu masuk utama PMM adalah kerjasama yang melibatkan pensyarah dan pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam. Matlamat utama tugas ini adalah untuk meningkatkan imej dan identiti PMM dengan menjadikannya lebih mesra pengunjung melalui reka bentuk yang moden dan menarik.


Pelajar berpeluang terlibat secara langsung dalam perancangan dan reka bentuk landskap, sekaligus membantu mereka memperoleh kemahiran praktikal yang berharga untuk masa depan. Melalui pengalaman ini, pelajar bukan sahaja mempelajari teori tetapi juga memahami proses penciptaan ruang yang efektif.



Projek ini telah dijalankan selama empat hari bermula dari 27 Januari 2024 dan telah dirasmikan oleh Pengarah PMM. Selain meningkatkan imej PMM, projek ini juga mempromosikan pendidikan TVET dan meningkatkan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam dunia pekerjaan.

Program penyediaan rekod kewangan Pusat Islam An Nur merupakan satu program PSR TVET On Campus dirancang sebagai satu wadah yang terbaik dan tepat di dalam menyampaikan kepakaran dan kemahiran kepada komuniti setempat khususnya dalam Politeknik Merlimau sendiri. Ianya selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 yang menyokong kepada transformasi penyampaian Pendidikan Tinggi.

Dalam program ini, rekod kewangan bagi Pusat Islam An Nur telah dikemaskini oleh pelajar- pelajar Jabatan Perdagangan yang diselia oleh Pensyarah Diploma Akauntansi yang mempunyai kepakaran dalam menyediakan pelaporan kewangan.



Pelajar telah didedahkan dengan situasi sebenar bagaimana untuk membaca dokumen sumber seperti resit atau invois seterusnya menyemak transaksi yang telah direkodkan ke dalam buku tunai. Pelajar juga menggunakan template Microsof Excel yang dibangunkan khas untuk merekodkan transaksi bagi Pusat Islam. Seterusnya pelaporan kewangan seperti Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Penerimaan dan Pembayaran akan dijana melalui Microsoft Excel yang memudahkan penyimpanan data dengan selamat dan berkesan.



Pertandingan JKE IoT: Robotic Challenge menampakkan impak positif kepada pelajar dengan memperkukuh kemahiran teknikal dan mengaplikasikan pengetahuan teori dalam projek praktikal termasuk merancang dan mengendalikan robot menggunakan teknologi seperti Arduino dan Internet of Things (IoT). Pendedahan awal kepada teknologi ini adalah penting untuk memastikan pelajar bersedia menghadapi cabaran dalam industri kejuruteraan dan elektronik. Selain itu, pertandingan ini merangsang pemikiran kreatif dan kritis pelajar, melatih mereka untuk menyelesaikan masalah dengan cara inovatif dan meningkatkan daya saing mereka di pasaran pekerjaan.



Bagi pensyarah, pertandingan ini memberi impak positif dalam memperkukuh hubungan dengan pelajar serta dapat memberi bimbingan yang lebih berkesan dalam mengatasi cabaran teknikal. Pertandingan sebegini bukan sahaja meningkatkan pemahaman pelajar tentang konsep yang diajar tetapi juga memperkaya pengalaman pengajaran pensyarah.



Bagi PMM, penganjuran aktiviti ini meningkatkan reputasi dalam menyokong pendidikan TVET berkualiti, menunjukkan komitmen terhadap pembangunan pelajar, menarik perhatian pelajar baru, dan meningkatkan keyakinan majikan terhadap kualiti graduan PMM.

Program tanggungjawab sosial yang dilaksanakan oleh TVET On Campus PMM dilaksanakan berdasarkan kelebihan kompetensi tenaga pengajar di Politeknik Merlimau untuk menyumbang kepakaran kepada institusi. Pelepaan lantai simen wakaf yang dilaksanakan di wakaf JKE adalah bertujuan untuk menaik taraf kemudahan tersebut agar memberi keselesaan kepada warga JKE untuk melakukan aktiviti.

Inisiatif ini melibatkan gabungan tenaga kerja dan kepakaran daripada staf serta pelajar di Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) dan Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA). Dengan kerjasama ini, para pelajar tidak hanya dapat memberi sumbangan kepada komuniti, tetapi juga berpeluang untuk memperoleh pengalaman praktikal yang berharga dalam bidang mereka. Melalui pelaksanaan program ini, TVET on Campus berusaha untuk memberikan impak positif kepada warga PMM di samping memperkasa kemahiran pelajar dalam bidang teknikal.



Program "IR 4 For All" yang berteraskan TVET On Campus (TOC) di Politeknik Merlimau merupakan inisiatif yang menghubungkan dunia pendidikan dengan teknologi masa hadapan melalui kolaborasi strategik bersama sekolah menengah di Melaka. Dengan fokus pada aplikasi Internet of Things (IoT), program ini bukan sahaja menawarkan kursus intensif tetapi juga menyediakan ruang pertandingan kreatif yang bertujuan untuk mendedahkan pelajar dan guru kepada teknologi terkini. Melalui pendekatan ini, peserta berpeluang menguasai kemahiran digital yang relevan, membina daya inovasi dan bersedia untuk menyahut cabaran Revolusi Industri 4.0.





Melaka Fun IoT Championship: Soccer Robotic 2024 telah dijalankan pada 28 Ogos 2024 di PMM. Program yang menekankan secara khusus penerapan IoT dalam Pendidikan telah memperoleh penyertaan 28 pasukan sekolah. Acara pada kali ini menggabungkan teknologi IoT dan sukan robotik. Sekolah Kebangsaan Merlimau Dua dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dang Anum muncul juara dalam kejohanan ini. Politeknik Merlimau sentiasa komited menyokong inovasi dan pembangunan teknologi IoT.

Politeknik Merlimau melalui inisiatif PolyAgro MyCendawan telah menerima insentif berjumlah RM10,000 daripada Jabatan Pertanian Malaysia dalam Majlis Penyampaian Insentif Projek Pembangunan dan Program Pertanian Bandar Peringkat Daerah Jasin 2024. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Dr Muhammad Akmal bin Salleh, Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Pejabat Pertanian Daerah Jasin.



Bagi mengembangkan saiz perusahaan dan pengeluaran cendawan di kampus, pembinaan rumah cendawan 2.0 telah dilaksanakan dengan diketuai oleh En. Anafiah bin Hamzah. Beliau turut dibantu oleh pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam. Program ini bertujuan untuk memanfaatkan insentif yang diterima dengan membangunkan infrastruktur pertanian, meningkatkan pengeluaran dan kualiti hasil cendawan. Selain itu, pelajar berpeluang mengaplikasikan kemahiran teknikal dalam lapangan dan memperkasa pengetahuan dalam bidang pertanian bandar.

Pemasangan sistem pengumpulan air hujan di tapak rumah cendawan Polyagro memberikan pelbagai manfaat termasuk kegunaan untuk menyiram tanaman, mencuci kawasan rumah cendawan dan penyiraman tanaman, pencucian di sekitar kawasan rumah cendawan serta dapat menjimatkan penggunaan air.

Selain itu, sistem ini juga berperanan sebagai sumber air alternatif ketika menghadapi masalah kekurangan air. Dengan menyediakan tadahan air hujan di rumah cendawan ia dapat memastikan kelestarian sumber air dan menggalakkan amalan pertanian yang lebih mampan.



Pembangunan Model Rumah Cepak Tenaga (MCRT) di Rumah IBS telah dijadikan model rumah cepak tenaga oleh Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) untuk tujuan pembelajaran dan aplikasi Smart Green di Politeknik Merlimau. Langkah ini adalah selaras dengan aspirasi Jabatan Pembangunan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (JPPKK) bagi memenuhi amalan kelestarian hijau.



Pembinaan MCRT adalah signifikan kerana ia tidak hanya memenuhi keperluan pendidikan tetapi juga menjadi model dalam pembelajaran amali. Pelajar berpeluang mengalami aplikasi sebenar dalam persekitaran rumah cepak tenaga dan memahami teknik dan konsep yang berkaitan. Ia juga mampu mempersiapkan diri mereka untuk cabaran dalam industri pembinaan dan tenaga pada masa hadapan.

Program Kelestarian Alam Sekitar ini bertujuan untuk memelihara dan meningkatkan kualiti ekosistem di sekitar Tasik Politeknik Merlimau, serta membentuk kesedaran dalam kalangan pelajar mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar. Dengan penglibatan 116 pelajar Asasi Teknologi Kejuruteraan JMSK Politeknik Merlimau Melaka dalam aktiviti penyemaian pokok, mereka bukan sahaja belajar mengenai ekosistem dan biodiversiti tetapi juga mengembangkan sikap tanggungjawab terhadap alam sekitar.

Melalui program ini, pelajar dapat memupuk nilai-nilai hijau dalam kehidupan seharian mereka dan memahami betapa pentingnya setiap individu dalam usaha menjaga kelestarian bumi. Program ini juga memberikan peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan kemahiran TVET mereka dalam konteks yang bermanfaat dan membina, sekaligus menyokong visi Politeknik Merlimau sebagai institusi yang tidak hanya mengutamakan kecemerlangan akademik tetapi juga tanggungjawab sosial.



Kerja-kerja membaikpulih meja banquet Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti telah dilaksanakan oleh pensyarah dan pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Kejuruteraan Awam. Sebanyak 10 buah meja yang rosak di bahagian kaki meja serta permukaan meja telah dibaikpulih. Kerja-kerja ini melibatkan kemahiran dalam memotong, mengimpal dan mengecat semula kaki meja serta permukaan papan meja.



Para pelajar dan kakitangan Politeknik Merlimau (PMM) telah mengaplikasikan kepakaran TVET mereka dalam menaiktaraf kawasan pejalan kaki pelajar yang dikenali sebagai Laluan Ilmu.

Laluan Ilmu direka untuk memberikan kemudahan pergerakan keluar dan masuk pelajar di kampus dengan lebih selamat dan selesa. Dengan adanya laluan ini, keselamatan dan keselesaan pelajar semasa bergerak ke kelas dapat dipertingkatkan dengan laluan yang lebih luas dan kondusif.



Kerja-kerja kimpalan pagar besi telah dijalankan oleh pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal bersama pensyarah dalam tempoh sebulan pelaksanaan. Fasa susulan telah dilaksanakan pada bulan Oktober 2024, di mana tumpuan akan diberikan kepada sesi mengecat pagar besi dan sebahagian tembok di Politeknik Merlimau (PMM). Fasa ini dijangka melibatkan 100 orang pelajar yang akan diselia oleh pasukan TVET On Campus (TOC) PMM.




Pelaksanaan kerja-kerja baikpulih ini memberikan impak yang positif dengan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif dan meningkatkan imej organisasi ke tahap yang lebih tinggi. Dengan kerjasama semua yang terlibat, projek ini bukan sahaja memberikan imej baharu yang ceria kepada persekitaran PMM, tetapi juga membantu pelajar memperkasakan kemahiran TVET mereka dan memberikan sumbangan yang bermakna kepada kampus.



Bagi meningkatkan keselesaan dan keselamatan pensyarah dan pelajar yang menggunakan makmal komputer di Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, TOC PMM menyumbang tenaga dan kepakaran untuk membuat laluan tangga (step) di pintu masuk makmal komputer JMSK. Dengan adanya step ini, laluan untuk pensyarah dan pelajar melangkah masuk dikurangkan kepada setengah kaki daripada laluan asal berukuran satu kaki.

Program ini merupakan anjuran Jabatan Belia Sukan Negeri Melaka dan dikendalikan oleh Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK). Peserta adalah seramai 40 orang pelajar Asasi Teknologi Kejuruteraan, PMM yang terdiri daripada pelbagai aliran termasuk aliran Kemanusiaan dan Sastera Ikhtisas (KSI). Program yang mempunyai 2 siri ini bertujuan untuk memberi pendedahan peserta mengenai Pengawal Mikro menggunakan Arduino IDE serta memberi latihan kemahiran pengekodan untuk pengawal mikro Arduino IDE. Secara tidak langsung, ia merupakan persediaan awal kepada pelajar asasi teknologi kejuruteraan bagi menghadapi subjek Projek TVET mereka.



Projek di Dataran Ilmu Politeknik Merlimau adalah bertujuan untuk meningkatkan keselamatan dan keselesaan pelajar dengan menyediakan persekitaran yang lebih terang dan selesa terutamanya pada waktu malam. Kawasan ini akan berfungsi sebagai ruang pembelajaran alternatif di mana pelajar boleh mengulang-kaji secara individu atau berkumpulan serta menggalakkan staf dan pelajar untuk mengoptimumkan penggunaan ruang dan kawasan sekitar kampus dengan lebih berkesan.



Dengan menitikberatkan ciri-ciri keselamatan, Dataran Ilmu memberikan ruang alternatif kepada warga kampus untuk melaksanakan aktiviti riadah atau rekreasi.

Secara keseluruhannya, projek ini akan meningkatkan daya tarikan Politeknik Merlimau sebagai institusi yang mementingkan kesejahteraan warga kampus serta menyediakan ruang yang lebih berfungsi untuk aktiviti kokurikulum dan pembelajaran.

Anjung Ilmu Jabatan Kejuruteraan Awam adalah ruang yang disediakan untuk pelajar-pelajar JKA melakukan aktiviti perbincangan, bacaan, berehat dan mengecap peranti elektronik. Pembangunan ruang ini melibatkan kombinasi kepakaran TVET Jabatan Kejuruteraan Awam dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik bagi memberi peluang kepada staf dan pelajar menyumbang kemahiran dan kepakaran untuk manfaat pelajar.



Kini pelajar Semester 1 Diploma Seni Bina Sesi 1 2023/2024 mampu tersenyum bangga kerana hasil kerja seni halus Doodle Mandala mereka telah diiktiraf dan dijadikan cenderahati bernilai estetik kepada tetamu VVIP ke institusi PMM dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat (UKK) PMM.

Hasil rekaan Doodle Mandala ini telah dihasilkan dalam dua versi iaitu versi 'master piece'/karya agung dan kedua koleksi digital. Pelajar telah berjaya menghasilkan karya estetik yang menggabungkan 'font' dengan kombinasi warna yang kontras, harmoni, kromatik, monokromatik serta hue warna yang estetik.

Projek yang dihasilkan di dalam bilik kuliah kini telah diiktiraf sebagai hasil seni estetik yang diiktiraf oleh radio KLFM dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) baru-baru ini sebagai produk seni yang mempunyai nilai komersialan. Doodle Mandala ini, adalah rumusan kefahaman pelajar seni bina dalam semester pertama menghasilkan rekaan yang bermain dengan komposisi, pengaturan elemen dan prinsipal dalam rekaan serta aspek kekemasan dalam menghasilkan rekaan halus sebagai 'master piece' hasil estetik mereka.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
MERLIMAU



Diterbitkan oleh:
Politeknik Merlimau
Kementerian Pendidikan Tinggi
77300 Merlimau
Melaka

eISSN 3083-8592



9 773083 859001